



Majlis Anugerah Kampung Cemerlang

Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri



Majlis Perundingan
Mukim dan Kampung



HARI ISNIN 19 MAC 2012 / 1433 ربيع الأخير 26

EDISI ISNIN / PERCUMA

ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG (AKC) MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG

Susunan Oleh :
Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama
Jabatan-Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Belait, Tutong dan Temburong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BAHAGIAN PERTAMA

MAJLIS Kampung Cemerlang (AKC) Majlis Perundingan Kampung (MPK) adalah salah satu usaha berterusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) untuk mengangkat Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) mencapai kejayaan dan melonjak ke arah kecemerlangan yang berterusan dan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kepimpinan akar umbi penghulu dan ketua kampung Negara Brunei Darussalam, selaku Institusi Pengerusi MPMK. Keberkesanan kepimpinan penghulu dan ketua kampung adalah penting sebagai teras dan landasan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mukim dan kampung dan sebagai penghubung kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan raja selaku *walil amri*.

Melalui Majlis AKC MPK ini nanti setiap mukim dan kampung diharapkan akan sentiasa terpacu untuk lebih berusaha memajukan mukim dan kampung masing-masing bukan saja demi untuk pertandingan malah demi kepentingan dan kemaslahatan masyarakat mukim dan kampung itu sendiri.

APA DIA PROGRAM 'ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG' ?

1. Program berbentuk pendekatan untuk membangun keupayaan masyarakat kampung melalui MPK untuk membawa perubahan positif dan pembangunan yang lebih pesat di kampung-kampung.

2. Pengiktirafan kepada kepimpinan kampung dan daya usaha masyarakat kampung khasnya MPK ke arah mewujudkan kampung-kampung yang aktif, dinamik, maju dan cemerlang.

3. Program AKC dilaksanakan dalam bentuk atau sistem pertandingan mengikut ciri-ciri dan kriteria-kriteria yang ditentukan.

4. Melalui program ini adalah dihasratkan program 'Satu Kampung Satu Produk' akan dapat direalisasikan, kerana terkandung dalam ciri utama penilaian dalam projek AKC ini adalah produk perkeonomian kampung yang boleh menjadi tanda keunikan kepada kampung itu sendiri.

OBJEKTIF PROGRAM AKC :

i. Mempertingkatkan amalan kerjasama, semangat memucang-mucang, berinisiatif dan berpenglibatan aktif seluruh penduduk kampung untuk melahirkan masyarakat yang kuat beragama, harmoni, bersatu padu, berdisiplin, kreatif dan produktif;

ii. Pemangkin pembangunan dan kemajuan bagi kesejahteraan masyarakat kampung yang berdaya maju dan berdaya tahan;

iii. Membudayakan sikap bantu sendiri dan sara sendiri di dalam masyarakat;

iv. Menyemai nilai-nilai dan positif ke arah mewujudkan persekitaran kampung yang mesra alam, bersih, indah, ceria dan menarik;

v. Menggalakkan projek perkeonomian dalam merealisasikan Program 'Satu Kampung Satu Produk';

vi. Mengangkat martabat dan memberi pengiktirafan dan galakan kepada MPK dan penduduk-penduduk kampung;

vii. Mengukuhkan keberkesanan dan kewibawaan MPK seluruh negara; dan

viii. Mengangkat dan menonjolkan kampung sebagai contoh teladan dan pembimbing kepada kampung-kampung yang lain.

ASPEK DAN KRITERIA-KRITERIA PENILAIAN AKC MPK

Bagi projek AKC Kali Kedua 2011, aspek dan kriteria-kriteria penilaian projek AKC adalah berdasarkan kepada pencapaian dan kemajuan dalam aspek-aspek berikut:-

1. Pengurusan dan Pentadbiran
2. Perkeonomian
3. Kebajikan dan Kemasyarakatan



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

أنوكره كامقوعت جمرلغ Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2

KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI KAMPUNG

MENJANA PERPADUAN, KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN MASYARAKAT

MAJLIS-MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG YANG TERPILIH MEMASUKI PERINGKAT KEBANGSAAN :

Daerah Brunei dan Muara

1. Majlis Perundingan Kampung Belimbing
2. Majlis Perundingan Kampung Jerudong
3. Majlis Perundingan Kampung Putat
4. Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan

Daerah Belait

1. Majlis Perundingan Kampung Lorong 3 Selatan Seria
2. Majlis Perundingan Kampung Lumut 1
3. Majlis Perundingan Kampung Mumong
4. Majlis Perundingan Kampung Pandan 'C'
5. Majlis Perundingan Kampung Sungai Teraban

Daerah Tutong

1. Majlis Perundingan Kampung Bukit
2. Majlis Perundingan Kampung Kiudang
3. Majlis Perundingan Kampung Long Mayan
4. Majlis Perundingan Kampung Pad Nunok

Daerah Temburong

1. Majlis Perundingan Kampung Amo
2. Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi
3. Majlis Perundingan Kampung Leping Baru
4. Majlis Perundingan Kampung Senukoh
5. Majlis Perundingan Kampung Sibut

Kunjungilah PAMERAN KHAS Produk-Produk Kampung Yang Berkualiti dan Asli Tempatan

Tarikh : Sabtu, 08 Jamadilawal 1433 bersamaan 31 Mac 2012

Waktu : 9.00 Pagi

Tempat : Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Diterbitkan oleh Jawatankuasa Media dan Publisiti Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 dengan Kerjasama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BELIMBING

Keindahan dan Kraf Tangan

LATAR BELAKANG DAN SEJARAH KAMPUNG

BERDASARKAN asal usul nama Kampung Belimbing, tidak dapat dipastikan secara tepat bermulanya nama tersebut. Namun begitu menurut cerita secara lisan daripada orang tua-tua yang terdahulu, nama Kampung Belimbing berasal dari seponon pokok yang besar. Besar lilitannya kira-kira empat pemaluk. Pokok ini berbuah lebat dinamakan buah TAMPOI BELIMBING, buahnya berwarna coklat muda seperti buah tampoi dan bentuknya serupa dengan buah Belimbing Buluh (memanjang) dan berbelit dikelilinginya. Bagi masyarakat Kedayaan buah Belimbing Buluh ini lebih dikenali dengan nama buah Belimbing Pucung. Pohonnya sangat ganjil kerana bersisik dan hanya seponon saja yang tumbuh sebab itulah kampung ini dinamakan 'KAMPUNG BELIMBING'.

PROFIL KAMPUNG

Ketua Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Daud bin Karim beralamat No. 465, Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu Negara Brunei Darussalam. Blog : <http://kg-belimbing.blogspot.com> E-mail : m.p.kg.belimbing@gmail.com

* Keluasan Mukim / Kampung : 909.84 Hektar

* Ramai Penduduk : 1,977 Orang

* Bilangan Rumah : 367 Buah Bangunan Kerajaan

* Masjid : Masjid Kampung Belimbing

* Pejabat Kerajaan : Bengkel Lembaga Bandaran, Pusat Pemulihan Belia JAPEM, Klinik Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar

* Bangunan Kuarters Kerajaan : 2 Blok Lembaga Bandaran BSB dan 5 Buah Blok JAPEM

* Lain-Lain Bangunan : Cawangan Ibu-sawat BruNet

* Rumah Sewa : 38 Buah

* Kedai / Pasar Raya : 1 Buah (5 Pintu)

Kemudahan Asas : Jalan Raya, Bekalan Air, Telefon, Api Elektrik

Produk Kampung : Membuat Pemarang, Membuat Gasing, Pertanian, Pembuatan Kain Batik Tempatan dan Membuat Pertukangan Tangan.

JUMLAH PENERIMA BANTUAN KERAJAAN

* Pencen Tua : 136 orang

* Bantuan Kebajikan : 20 Orang

* Bantuan Baitul Mal : -----

* Anak-Anak Yatim : 19 orang

* Fakir dan Miskin : Tiga orang

* Muafak : 12 orang

* Orang Gila : Lapan orang

* Orang Kurang Upaya : Dua orang

Ini adalah kali kedua bagi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing, Mukim Kota Batu menyertai Anugerah Kampung Cemerlang yang mana pada kali ini menonjolkan aspek perekonomian iaitu pembuatan kraf tangan serta taman riadah yang dinaiktaraf untuk kunjungan orang ramai.

Antara pembuatan kraf tangan yang agak menonjol di bawah kendalian MPK Belimbing, Mukim Kota Batu ialah penghasilan kain batik. Selain itu, seni pembuatan pemarang, keris, kraf tangan daripada kayu dan rotan yang dihasilkan juga menjadi sumber pendapatan sampingan para penduduk di kampung ini.

Manakala taman riadah yang telah diusahakan serta dinaik taraf oleh MPK Belimbing, Mukim Kota Batu kerap menjadi kunjungan orang ramai ialah Bukit Markucing. Kawasan ini menawarkan trek yang agak mencabar bagi mereka yang gemar melakukan riadah pendakian serta kerap digunakan oleh MPK Belimbing, Mukim Kota Batu untuk mengadakan Cabaran Bukit Markucing sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Selain itu juga, Taman Tasik Serubing merupakan salah satu lagi kawasan yang dibukakan untuk kunjungan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan.

Para penduduk Kampung Belimbing,



SEORANG penduduk kampung sedang membuat gasing.



SEORANG penduduk sedang membuat pemarang.

Mukim Kota Batu juga mempelbagaikan produk / perkhidmatan yang dapat menjana sumber pendapatan masing-masing dengan mengusahakan sektor pertanian, ternakan dan makanan untuk diangkat oleh MPK Belimbing, Mukim Kota Batu sebagai 'Satu Produk Satu Kampung'.

Perancangan masa hadapan MPK Belimbing, Mukim Kota Batu adalah untuk menghubungkan laluan Bukit Markucing dengan Taman Tasik Sarubing dan seterusnya ianya nanti akan memberikan cabaran yang lebih menarik kepada pengemar-pengemar aktiviti riadah.

ANTARA pembuatan kraf tangan yang agak menonjol di bawah kendalian Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing, Mukim Kota Batu ialah penghasilan kain batik. Selain itu, seni pembuatan pemarang, keris, kraf tangan dari kayu dan rotan yang dihasilkan juga menjadi sumber pendapatan sampingan para penduduk di kampung ini. Manakala taman riadah yang telah diusahakan serta dinaik taraf oleh Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu kerap menjadi kunjungan orang ramai ialah Bukit Markucing. Kawasan ini menawarkan trek yang agak mencabar bagi mereka yang gemar melakukan riadah pendakian serta kerap digunakan oleh MPK Belimbing, Mukim Kota Batu untuk mengadakan Cabaran Bukit Markucing sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Selain itu juga, Taman Tasik Serubing merupakan salah satu lagi kawasan yang dibukakan untuk kunjungan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan.



SEBAHAGIAN daripada produk rotan hasil penduduk kampung.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG SUNGAI MATAN

'Matan Fishing Village' dan 'Matan Homestay'

1. PENGENALAN LATAR BELAKANG DAN SEJARAH KAMPUNG:

KAMPUNG Sungai Matan adalah sangat terkenal dengan Karnival Matan dan sangat aktif dalam menarik ramai pelancong ke kampung tersebut. Kampung ini terletak dalam Mukim Kota Batu. Kampung ini adalah sebuah perkampungan dua alam iaitu separuh air dan separuh daratan yang terletak di pinggir Sungai Brunei.

Jaraknya antara pusat bandar Bandar Seri Begawan ialah lapan kilometer dan keluasan kampung ini ialah 0.36 kilometer persegi, boleh dikunjungi melalui jalan raya atau sungai. Kampung ini diapit oleh Kampung Datu Gandhi dan Kampung Serdang. Rumah-rumah yang dibina di persisiran Sungai Brunei menghala ke hutan bakau yang terletak di Pulau Berambang. Kampung ini telah menjadi salah satu antara destinasi dan pusat perniagaan bagi para Pengalu untuk bertukar-tukar barang keperluan harian yang kebanyakannya datang dari Kampung Belimbing dan Kampung Subok di Mukim Kota Batu.

Mengikut sejarah cerita dan daripada mulut orang tua-tua dahulu, Kampung Sungai Matan juga dikenali sebagai **Kampung Pengkalan Gua** kerana penduduk-penduduk dari Kampung Belimbing akan turun ke Kampung Sungai Matan berhimpun dan berjual hasil tanaman mereka. Pengkalan Gua berkenaan betul-betul berada di sempadan Kampung Datu Gandhi (juga dikenali sebagai Tanjung Gua) serta terdapat sebatang sungai di kawasan tersebut. Nama Kampung Sungai Matan diambil bersempenan dengan pokok buah matan yang terdapat di hulu sungai tersebut. Apabila musim berbuah, buah matan yang masak akan jatuh ke sungai dan dibawa arus ke muara sungai. Maka di sinilah penduduk kampung akan mengambil dan memungut/memutik buah berkenaan sebelum dibawa arus ke hulu sungai.

Pelbagai perusahaan kotej yang diungkayahkan oleh penduduk-penduduk Kampung Sungai Matan sejak tahun 60-an hingga 80-an dan salah satu contoh paling ketara ialah perusahaan menyalai **IKAN TAHAI** (tidak lagi dipraktikkan). Di samping itu perusahaan membuat Belacan, Melumai Ikan Masin, Membuat Udang Kering, Memburris Perahu dan membuat makanan tradisi seperti kueh Pinyaram, Ardang, Kuih Cicin, Madu Kesirat, Tapai dan lain-lain lagi juga dilakukan oleh penduduk kampung.

2. PROFIL KAMPUNG SUNGAI MATAN

Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal, Ketua Kampung Sungai Matan

No. 702, Simpang 702, Kampung Sungai Matan, Mukim Kota Batu Negara Brunei Darussalam.

No. Telefon : +673 2786460 (rumah); +673 8893061 (mobile)

3. PROFIL KAMPUNG SUNGAI MATAN SECARA RINGKAS

MAJLIS Perundingan Kampung Sungai Matan, Mukim Kota Batu merancang untuk meningkatkan usaha dan memperkembangkan lagi projek ekopelancongan yang telah/sedang diungkayahkan pada masa ini dengan menarik agensi-agensi pelancongan swasta dan menawarkan pakej-pakej ekopelancongan yang lebih menarik untuk membawa masuk pelancong dalam dan luar negara ke Kampung Sungai Matan. Dengan pembisaian tanah riadah di Kampung Sungai Matan juga akan menjadi salah satu lokasi yang akan ditonjolkan di dalam pakej yang ditawarkan yang mana persembahan khususnya yang berkaitan dengan masyarakat kampung dan negara ini secara amnya akan diperlihatkan kepada pelancong dalam dan luar negara secara yang lebih proniaga tetapi tetap berpaksikan nilai-nilai falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Jumlah Keramaian Penduduk Kampung: 659 Orang (Banci Penduduk 2009)

Pertubuhan/Institusi/Premis Yang Terdapat di Kampung Sungai Matan:

RUMAH PERSENDIRIAN dan RUMAH SEWA 75 Buah

SEKOLAH RENDAH RIVERSIDE 1 Buah

ROYAL BRUNEI YATCH CLUB 1 Buah

Penerima-Penerima Elaun Pecen Umur Tua / Elaun Bantuan Kebajikan Bulanan / Elaun Bantuan Orang Kurang Upaya / Elaun Bantuan Gila

1. Elaun Pecen Umur Tua : 29 orang
2. Elaun Bantuan Kebajikan : 10 orang
3. Elaun Bantuan Kurang Upaya : Dua orang
4. Elaun Bantuan Gila : Seorang

4. ASPEK PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG (MPK) SUNGAI MATAN, MUKIM KOTA BATU

Biro-Biro yang terdapat di dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Matan adalah:

Antara projek, program serta aktiviti yang menonjol dan mampu memberikan sumber pendapatan ke arah meningkatkan perekonomian penduduk kampung ialah **Cabaran Pancing dan Karnival Matan; Penyediaan Pakej Perkhidmatan EkoPelancongan dan Homestay; Penghasilan dan Penjualan Produk Berasaskan Sumber Laut.**

Selain itu, MPK Sungai Matan juga menjadi salah satu destinasi kunjungan serta lawatan pelancong dari dalam dan luar negara. Kampung Sungai Matan mengikuti program **Kenali Negara Kitani** kelolaan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) bagi menonjolkan Kampung Sungai Matan.

5. ASPEK PEREKONOMIAN MPK SUNGAI MATAN, MUKIM KOTA BATU

Perkhidmatan Pakej Pelancongan dan 'Matan Homestay' memberikan pulangan/hasil pendapatan kepada MPK Sungai Matan serta penduduk kampung dengan pertambahan kunjungan pelancong dalam dan luar negara ke Kampung Sungai Matan.

Pakej bagi Matan Homestay yang ditawarkan kepada pelancong yang berkunjung ke Kampung Sungai Matan ialah:

Kampung serta penduduk-penduduk Kampung Sungai Matan untuk memperkenalkannya kepada orang ramai secara berterusan.

Memperkenalkan kepada orang awam akan keunikan Kampung Sungai Matan yang sangat dikenali sebagai **Kampung Nelayan** satu ketika dahulu.

Mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas program 'Kenali Negara Kitani' dengan memberikan nilai-tambah dengan memperkenalkan kebudayaan dan kehidupan masyarakat Kampung Sungai Matan.

TUJUAN PROJEK



KARNIVAL Matan setentunya menarik perhatian pelancong sama ada dalam dan luar negeri.

TIGA KADAR PAKEJ YANG DISEDIAKAN OLEH MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG SUNGAI MATAN

1.	Merasa pengalaman Kampung Nelayan Brunei @ BND55 (Minima 6 orang bagi tempoh 3 jam)
2.	Menyusuri Sungai Brunei @ BND35 (Minima 6 orang bagi tempoh 2 jam)
3.	Matan Homestay
	Single - BND50 / orang
	Double - BND28 / orang
	Triple - BND25 / orang
	Sebuah rumah - BND150 / Malam

Membantu agensi kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Pelancongan, KPSSU serta Syarikat-Syarikat Pelancongan Swasta bagi menarik pelancong asing berkunjung ke negara ini.

Menambahkan lagi destinasi serta lokasi ekopelancongan untuk kunjungan pelancong dalam dan luar negara.

Menawarkan pakej-pakej ekopelancongan yang menarik dan bersesuaian mengikut keperluan daripada semasa ke semasa untuk memberikan peluang kepada pengunjung menikmati serta mengalami suasana kehidupan masyarakat kampung nelayan.

Memberikan peluang kepada masyarakat kampung mendapat sumber pendapatan sampingan dengan mempromosikan produk laut yang dihasilkan secara industri kotej semasa pelancong membuat kunjungan ke kampung berkenaan.

Memperkembangkan lagi perkhidmatan *homestay* (rumah penginapan) yang pada masa ini telah diperkenalkan kepada pelancong dalam dan luar bagi memberikan kesan yang lebih mendalam semasa berkunjung ke Kampung Sungai Matan.

MATLAMAT PROJEK

Menarik lebih ramai penduduk Kampung Sungai Matan untuk melibatkan diri mereka dalam apa jua aktiviti ekopelancongan yang dapat memberikan pulangan sampingan kepada mereka.

Membantu warga kampung khususnya para belia mendapatkan pekerjaan dengan agensi pelancongan swasta yang membuat perjanjian persefahaman ekopelancongan dengan MPK Sungai Matan.

Menambah hasil pendapatan untuk Tabung MPK Sungai Matan melalui aktiviti ekopelancongan yang diadakan serta Tabung Anak-Anak Yatim Kampung Sungai Matan.

Menonjolkan warisan kebudayaan serta aktiviti seharian masyarakat kampung untuk diperkenalkan kepada pelancong yang membuat kunjungan.

FAEDAH PROJEK

Meningkatkan pendapatan penduduk kampung melalui kegiatan sosioekonomi.

Sebagai pemangkin bagi menarik pelancong mengunjungi Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan pendapatan daripada segi pertukaran matawang asing.

Mengangkat dan menonjolkan budaya dan tradisi masyarakat kampung dan Negara Brunei Darussalam secara amnya supaya terkenal di mata dunia.

Sebagai salah satu duta kecil negara untuk memperkenalkan negara ini pada peringkat antarabangsa dan untuk menambah nilai kegiatan kampung.

Memberikan peluang dan sumber pekerjaan kepada para belia serta penduduk kampung yang belum/tidak bekerja.

Memantapkan lagi pengetahuan belia dan penduduk kampung melalui penglibatan mereka dalam aktiviti ekopelancongan ini ke atas sejarah dan perkembangan kampung mereka sendiri.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek ini dikendalikan oleh MPK Sungai Matan, Mukim Kota Batu dengan kerjasama agensi kerajaan serta syarikat agensi-agensi pelancongan yang telah membuat perjanjian persefahaman dengan MPK Sungai Matan.

RANCANGAN MASA DEPAN

MPK Sungai Matan, Mukim Kota Batu merancang untuk meningkatkan usaha dan memperkembangkan lagi projek ekopelancongan yang telah/sedang diungkayahkan pada masa ini dengan menarik agensi-agensi pelancongan swasta dan menawarkan pakej-pakej ekopelancongan yang lebih menarik untuk membawa masuk pelancong dalam dan luar negara ke Kampung Sungai Matan.

Dengan pembisaian tanah riadah di Kampung Sungai Matan juga akan menjadi salah satu lokasi yang akan ditonjolkan di dalam pakej yang ditawarkan yang mana persembahan khususnya yang berkaitan dengan masyarakat kampung dan negara ini secara amnya akan diperlihatkan kepada pelancong dalam dan luar negara secara yang lebih proniaga tetapi tetap berpaksikan nilai-nilai falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG AMO

Taman Rekreasi Tasik Buluh Aie Merah dan Kraf Tangan

SEJARAH DAN ASAL USUL KAMPUNG

NAMA Kampung Sibut diambil dari nama sebatang anak sungai - Sungai Sibut, Kuala Sungai Sibut dipercayai penempatan pertama bagi penduduk Kampung Sibut. Perkataan 'Sibut' - dipercayai berasal daripada bahasa Masyarakat Murut bererti - Lebah / Penyengat.

Kampung ini telah menerima Anugerah Penghargaan Pertama dalam Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2009.

KETUA KAMPUNG :

Nama : Awang Jamat anak Malong / Ma-laung, 51 tahun. Mula berkhidmat sebagai Ketua Kampung Sibut : 1 April 2004.

LATAR BELAKANG KAMPUNG

Terletak di : Mukim Amo iaitu 14 kilometer dari Pekan Bangar

Keramaian penduduk : 237 orang

Majoriti (95 peratus) penduduknya berbangsa Iban dan selebihnya berbangsa Murut dan Melayu.

Keluasan kampung : 763 Hektar

PROJEK SATU KAMPUNG SATU PRODUK :

Majlis Perundingan Kampung Sibut telah melaksanakan empat projek perekonomian iaitu Pertanian, Homestay - Lubuk Batu Mas Homestay, Taman Rekreasi Tasik Buluh Aie Merah dan Kraf Tangan bagi perisian Projek Satu Kampung Satu Produk. Projek Pertanian Kemajuan Pertanian Luar Bandar, Kampung Sibut telah mengeluarkan hasil pertanian setiap tahun, manakala aktiviti Homestay telah banyak menaikkan nama Majlis perundingan Kampung Sibut dengan menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara. Kejayaan Majlis Perundingan Kampung Sibut membuat taman yang berasal daripada sebuah kawasan terbiar yang diliputi oleh buluh liar yang dinamakan Taman Rekreasi Tasik Buluh Aie Merah. Perisian di dalam taman ini mengumpulkan tiga projek 3 dalam 1 iaitu Pelancongan, Pertanian dan Taman itu sendiri. Tasik ini memuatkan temakan ikan air tawar, tanaman buah-buah tempatan dan juga men-



PINTU masuk Taman Rekreasi Tasik Buluh Aie Merah.

jadi tarikan pelancong yang berkunjung ke taman tersebut.

RASIONAL PROJEK

Sejak menyertai Projek Satu Kampung Satu Produk, MPK Sibut telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan beberapa projek yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan penduduk kampung yang mengamalkan budaya kerja gotong-royong sehingga sekarang. Penglibatan warga kampung tidak mengira usia telah membangkitkan lagi semangat kekompakan mereka yang mana memudahkan penduduk kampung menambah minda dan pemikiran yang bernas. Apa-apa projek yang dijalankan itu menerima sokongan yang padu daripada ahli-ahli dan penduduk kampung tersebut.

TUJUAN PROJEK:

Sebagai penerima Anugerah Penghargaan Pertama bagi Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang peringkat Kebangsaan bagi tahun 2009, MPK Sibut telah bekerja keras bagi memastikan setiap projek yang dirancang berjalan seperti mana yang diharapkan. Projek-projek yang diungkuhkan dapat

memanfaatkan semua kelebihan alam semula jadi seperti Sungai Temburong, Ladang Pertanian dan keindahan hutan yang terdapat dalam sekitar kawasan Kampung Sibut sebagai daya tarikan kepada pelancong yang berkunjung ke Kampung Sibut terutamanya dan juga penduduk kampung amnya dalam usaha memajukan kampung.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek-projek yang telah dirancang bersama telah dilaksanakan oleh ahli-ahli MPK Sibut dan penduduk kampung secara bergotong-royong dan berkumpul. MPK Sibut juga menerima bantuan peruntukan kewangan dan khidmat nasihat daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Temburong dalam menayakan setiap projek yang dirancang.

RANCANGAN MASA DEPAN :

MPK Sibut akan terus berusaha mempelbagaikan aktiviti bukan sahaja dalam aspek perekonomian yang dapat memberikan pulangan kewangan tetapi juga aktiviti kemasyarakatan yang menyumbang kepada sifat berdikari dan mandiri masyarakat kampung tanpa terlalu bergantung harap daripada pihak kerajaan semata-mata.



SEBAHAGIAN daripada hasil kraf tangan penduduk kampung.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BATU APOI

Perusahaan Pemprosesan Ambulung

SEJARAH DAN ASAL USUL KAMPUNG

KAAMPUNG terletak tiga kilometer daripada Pekan Bangar. Batu Apoi bererti Batu Api daripada perkataan Masyarakat Murut berasal daripada sebuah cerita legenda lama berkenaan dengan terdapatnya sebiji batu api di kawasan tersebut pada zaman dahulu. Sekumpulan orang Melayu Brunei berasal dari Kampung Peramu, Bandar Brunei telah mula membuat penempatan / kampung kecil di Kampung Batu Apoi pada tahun 1925 yang diketuai oleh Awang Mokti bin Abdullah

yang kemudiannya beliau disampiri gelaran Orang Kaya Maharja Lela.

KETUA KAMPUNG:

Nama : Awang Haji Daud bin Haji Masri, 51 tahun, mula berkhidmat sebagai Ketua Kampung Batu Apoi 1 Jun 2000. Ketua Kampung Batu Apoi mentadbir lima buah kawasan di bawah tadahan Kampung Batu Apoi iaitu Kampung Batu Apoi, Selilit, Pelinun, Sungai Radang dan Gadong Baru.

LATAR BELAKANG KAMPUNG

Terletak di : Mukim Amo iaitu tiga kilometer dari Pekan Bangar



BEGINILAH keadaan batang rumbia yang telah diproses sebelum menjadi ambulung.

Keramaian penduduk : 394 orang
Keluasan kampung :
Kampung Batu Apoi : 763 hektar
Kampung Luagan : 540 hektar

Kampung Peliunan : 57 hektar
Kampung Selilit : 267 hektar
Kampung Gadong Baru : 765 hektar

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG SENUKOH

Perusahaan Pembuatan Mi Kuning

**SEJARAH DAN ASAL
USUL KAMPUNG**

KAMPUNG Senukoh adalah salah sebuah kampung terletak di Mukim Labu dengan jarak perjalanan sejauh 21 kilometer daripada Pekan Bangar. Menurut penduduk kampung tersebut, nama Kampung Senukoh ini diambil daripada perkataan dalam dialek Masyarakat Murut iaitu Uwe Soko yang merupakan sejenis rotan yang bermutu tinggi untuk dijadikan tikar lampit. Rotan tersebut sudah semakin pupus dan sukar didapati lagi pada masa ini.

KETUA KAMPUNG

Kampung Senukoh telah diketuai oleh seorang Ketua Kampung, walau bagaimanapun pada masa ini jawatan Ketua Kampung masih kosong sejak ketua kampungnya Awang Akhbar @ Aliakbar bin Haji Abd. Hamid bersara pada tahun 2010.

Pada masa ini jawatan Ketua Kampung Senukoh dipangku oleh Awang Haji Abdurrahman bin Haji Nasir, Penghulu Mukim Labu.

Mula berkhidmat sebagai Pemangku Ketua Kampung Senukoh : 31 Januari

2010. Umur : 52 tahun

LATAR BELAKANG KAMPUNG

Terletak di : Mukim Labu iaitu 21 kilometer dari Pekan Bangar

Keramaian penduduk : 144 orang terdiri daripada Masyarakat Melayu Kedayan dan Murut.

Keluasan kampung : 4,378 hektar

**PROJEK SATU KAMPUNG
SATU PRODUK:**

Majlis Perundingan Kampung Senukoh telah memperkenalkan perusahaan Pembuatan Mi Kuning sebagai projek Satu Kampung Satu Produk. Projek ini diusahakan oleh Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Senukoh. Projek perekonomian ini menghasilkan dua jenis produk iaitu Mi Kuning Basah dan Mi Kering Senukoh.

RASIONAL PROJEK

Seperti kampung-kampung lainnya, Kampung Senukoh tidak ketinggalan dalam memajukan kampung dan menyahut konsep Satu Kampung Satu Produk seperti yang disarankan oleh kerajaan. Keaktifan ahli-ahli dan penduduk kampung ini dapat bersatu padu dalam menzahirkan kekitaan warga



MI kering Senukoh produk yang dihasilkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh.

kampung yang menghilangkan sikap 'aku-aku' 'kau-lau'.

TUJUAN PROJEK:

Pelaksanaan projek Satu Kampung Satu Produk bagi Kampung Senukoh adalah bertujuan bagi membantu penduduk kampung menambah pendapatan mereka, di samping mengujudkan perpaduan dalam kalangan mereka. Sejauh ini, ianya telah menjadi tempat masyarakat kampung bekerja sebagai satu pasukan dalam mengendalikan perusahaan mereka. Projek Pembuatan Mee mereka telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada orang ramai dan telah dapat memberi peluang pekerjaan tetap kepada beberapa orang anak buah kampung yang terdiri daripada belia dan ibu-ibu tunggal.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek-projek yang telah dirancang bersama telah dilaksanakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Senukoh dan penduduk kampung secara

bergotong-royong dan berkumpul. Dalam usaha memajukan kampung, Majlis Perundingan Kampung Senukoh menerima bantuan kewangan dan khidmat nasihat daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Temburong.

RANCANGAN MASA DEPAN :

Majlis Perundingan Kampung Senukoh telah menerima bantuan daripada pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Temburong dalam memajukan projek Perusahaan Mee mereka. Dari bantuan ini mereka telah mendapatkan mesin-mesin dan peralatan yang diperlukan. Mereka telah juga mendapat kebenaran Sijil Halal bagi produk Mee mereka. Majlis Perundingan Kampung Senukoh berhasrat untuk memperluaskan lagi pasaran bagi produk mereka di dalam dan di luar daerah.



SALAH satu produk mi yang dihasilkan oleh MPK Senukoh. (kiri)

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BATU APOI

Dari muka 4

**PROJEK SATU
KAMPUNG SATU PRODUK:**

Kampung Batu Apoi telah dapat memanfaatkan sumber-sumber semula jadi di kampung tersebut terutamanya di sekitar kawasan sungai Batu Apoi yang diliputi oleh pokok-pokok rumbia yang liar dan menjadikannya sebagai perusahaan pemprosesan ambulong. Projek Satu Kampung Satu Produk ini menjadi satu landasan bagi penduduk kampung yang mahir dalam perusahaan pemprosesan ambulong menyalurkan ilmu pengetahuan dan teknik pemprosesan ambulong kepada generasi baru agar tidak lupus ditelan zaman.

RASIONAL PROJEK

Melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi, ahli-ahli dan penduduk kampung dapat menzahirkan rasa tanggungjawab warga Kampung Batu Apoi dalam menyahut seruan kerajaan dalam

memajukan kampung sekali gus menggiat aktif penduduk kampung dalam penghasilan kampung.

TUJUAN PROJEK:

Projek Satu Kampung Satu Produk bagi Kampung Batu Apoi ini adalah bagi menyahut dan merealisasikan hasrat kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan seterusnya membantu penduduk kampung menambah pendapatan mereka. Projek perekonomian perusahaan pemprosesan ambulong Kampung Batu Apoi secara tidak langsung telah dapat menyatupadukan penduduk kampung. Dengan bantuan kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan Daerah Temburong, MPK Batu Apoi telah berjaya mendirikan pondok pemprosesan ambulong yang terletak di kawasan berdekatan dengan Balai raya kampung tersebut.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek-projek yang telah dirancang bersama telah dilaksanakan oleh ahli-ahli MPK Batu Apoi dan penduduk kampung secara bergotong-royong dan berkumpul. Bantuan-bantuan berupa peruntukan kewangan juga diterima daripada pihak KHEDN bagi memajukan setiap projek yang dilaksanakan.

RANCANGAN MASA DEPAN :

MPK akan menambah hasil keluaran ambulong seperti keropok ambulong dan seumpamanya, di samping meluaskan pasaran produk mereka. Membuat *packaging* yang sesuai dan sempurna merupakan rancangan masa depan MPK Batu Apoi.



PRODUK ambulong dihasilkan oleh Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG LORONG TIGA SELATAN, SERIA

Perusahaan Sesagun dipasarkan



PARA penduduk kampung bergotong-royong membungkus sesagun untuk dipasarkan.

SESAGUN beras ini adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk di kawasan Lorong Tiga Selatan Setia. Tujuan utama MPK Lorong Tiga Selatan Setia memilih sesagun beras sebagai Projek-Perekonomian Satu Kampung Satu Produk ialah bagi hasrat untuk memperkenalkan makanan tersebut di Daerah Belait amnya dan Negara Brunei Darussalam khususnya.

KAMPUNG Lorong Tiga Selatan Setia terletak di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Setia dengan keluasan 14.785 kilometer persegi. Penduduk kampung ini dianggarkan seramai lebih kurang 5121 orang. Jawatan ketua kampung ini masih belum diisi dan pada masa ini dipangku oleh Penghulu Mukim Setia, Awang Haji Jamail bin Haji Linap.

Pada asalnya kampung ini diwujudkan dalam Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Setia yang terletak di Lorong Tiga Selatan Setia, maka dari nama kawasan berkenaan diambillah nama kampung tersebut menjadi Kampung Lorong Tiga Selatan Setia.

PROJEK PEREKONOMIAN SATU KAMPUNG SATU PRODUK

AKC ini ialah penyertaan yang pertama kali disertai oleh Kampung Lorong Tiga

Selatan Setia. Kampung ini mengangkat Produk Sesagun Beras sebagai Projek Perekonomian 'Satu Kampung Satu Produk' mereka.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek Perekonomian Sesagun Beras ini telah diumumkan oleh Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Lorong 3 Selatan, Setia dengan bantuan kaum lelaki di kampung tersebut. Projek ini bermula pada 23 November 2010 dengan keramaian 29 orang ahli yang terdiri dari penduduk kampung ini.

Pada peringkat awal, para peserta seramai 29 orang telah bersetuju untuk memulakan projek ini dengan kaedah kutipan secara sama rata sebanyak BND50 seorang yang menjadikan jumlah sebanyak BND1,450.

TUJUAN DAN MATALAMAT PROJEK

Sesagun Beras ini adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk dalam kawasan Lorong Tiga Selatan Setia. Tujuan utama MPK Lorong Tiga Selatan Setia memilih sesagun beras sebagai Projek Perekonomian Satu Kampung Satu Produk ialah bagi hasrat untuk memperkenalkan makanan tersebut di Daerah Belait amnya dan Negara Brunei Darussalam khususnya.

FAEDAH PROJEK

Projek Perekonomian Satu Kampung Satu Produk, Sesagun Beras ini dapat membawa penglibatan anak buah kampung dalam sama-sama membuat dan memasarkan produk berkenaan atas dasar bekerja berpasukan, gotong-royong dan merapatkan silaturrahim penduduk kam-

pung dengan Ahli-ahli MPK Lorong Tiga Selatan Setia.

RANCANGAN MASA DEPAN

Setelah berjaya menghasilkan produk Sesagun Beras MPK Lorong 3 Selatan Setia, pada tahun 2012 bercadang untuk membuat lebih produk sesagun beras dan seterusnya dipasarkan secara lebih meluas lagi termasuk ke luar daerah dan peringkat antarabangsa. Bagi jangka panjang, MPK Lorong 3 Selatan Setia juga merancang dan membincangkan bersama penduduk kampung untuk membuat projek yang baru iaitu dalam bidang pembuatan Rehal sebagai satu lagi produk mereka.

Pada masa ini juga Majlis Perundingan Kampung Lorong Tiga Selatan Setia dalam mempelbagaikan lagi Projek Perekonomian Satu Kampung Satu Produk, mereka telahpun membuat projek yang baru iaitu dalam bidang Pembuatan Rehal.



SEBAHAGIAN daripada aktiviti Kampung Lorong Tiga Selatan Setia.



SESAGUN yang siap untuk dijual.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BUKIT



PENDUDUK kampung semasa membuat anyaman kraf tangan.

PRASARANA yang terdapat di Kampung Bukit iaitu termasuk jalan raya, sekolah, dewan kemasyarakatan, pos polis, masjid, bekalan elektrik, talian telefon dan bekalan air bersih.

Di antara produk-produk kampung yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk Kampung Bukit ialah kraf tangan, beras tempatan dan ayam kampung.

Kampung Bukit bukanlah sebuah kampung yang baru bahkan telah pun sekian lama wujud. Menurut cerita orang-orang tua serta mantan Ketua Kampung Bukit, Allahyarham Awang Abd. Aziz bin Abdullah telah menceritakan bahawa Kampung Bukit ialah sebuah perkampungan masyarakat Dusun dengan kebanyakan rumah-rumah yang didiami dibina di atas bukit.

Bentuk rumah pula seakan-akan sebuah rumah panjang milik kaum Iban. Tetapi rumah tersebut tidak memiliki bilik yang mana ruang tengah dipanggil Serambi yang luas dan lapang. Pada kebiasaannya terdapat dua pintu utama sama ada di serambi atau di bahagian dapur. Rumah seperti ini dihuni oleh sebuah keluarga besar yang terdiri daripada nenek, keluarga adik-beradik hinggalah ke cucu mereka. Bentuk rumah perkampungan seperti ini dapat dilihat hingga ke tahun 60-an. Berasaskan kepada cara kehidupan dan penempatan mereka maka lahirlah nama Kampung Bukit.

Kampung Bukit mempunyai keramaian penduduk berjumlah 630 orang. Sebahagian besar masyarakat di Kampung Bukit adalah terdiri daripada masyarakat Melayu Dusun dengan jumlah seramai 368 orang. Manakala lain-lain masyarakat yang terdapat di kampung tersebut ialah masyarakat Iban dan Tionghoa.

Di Kampung Bukit terdapat 91 orang penerima pencen tua, penerima bantuan kebajikan seramai 35 orang, Fakir Miskin seramai tujuh orang dan anak-anak yatim seramai sembilan orang.

Kampung berkenaan ditadbir oleh seorang Ketua Kampung iaitu Awang Muhd. Shadiqin bin Abdullah Janjam. Beliau dilantik sebagai Ketua Kampung Bukit bermula pada 10 November 2003. Kawasan pentadbiran beliau termasuklah beberapa buah kawasan kampung kecil (*sub-village*) di dalam kampung tersebut iaitu Kampung Pengkalan Padang, Kampung Litad, Kampung Pak Meligai/Melaboi, Kampung Bang Ligi, Kampung Bang Binggol, Kampung Pulau Lamu, Kampung Pang Dungun, Kampung Kaut Pancur dan Kampung Danggor.

PENERANGAN PROJEK

MPK Bukit telah memilih tajuk projek 'Mengembangmajukan Produk Kraf Tangan'.

Projek ini telah pun bermula pada bulan Mac 2003 bertempat di Balai Raya Kampung Bukit yang antara lain melibatkan aktiviti-aktiviti tunjuk cara membuat kraf tangan oleh beberapa orang penduduk kampung yang berpengalaman secara percuma.

Ahli-ahli MPK Bukit dan penduduk kampung menyedari bahawa kraf tangan adalah salah satu kreativiti masyarakat setempat yang dianggap unik dan diwarisi sejak turun-temurun dan adalah satu warisan yang harus ditonjolkan dan diberi kesinambungan khususnya kepada generasi muda masa kini. Maka bertolak dari itu, MPK Bukit dengan kerjasama ahli kraf tangan Kampung Bukit berusaha



PARA penduduk kampung bergotong-royong membuat kerja di kawasan balai raya.

Mengembangmajukan Produk Kraf Tangan

untuk mengendalikan beberapa program kerja bagi mempertahankan produk kraf tangan ini daripada hilang ditelan zaman dan seterusnya memberikan tunjuk ajar menghasilkan kraf tangan melalui bengkel-bengkel khususnya kepada belia-belie sebagai pewaris seni menghasilkan kraf tangan.

Selain itu, projek ini juga dapat memberikan sumber pendapatan sampingan kepada penduduk kampung dan juga sebagai salah satu cara bagi mempromosikan ekopelancongan di negara ini. Maka hasil kraf tangan berkenaan sering dibawa ke ekspo jualan produk khususnya pada hari-hari kebesaran negara antaranya Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negara dan penjualan langsung di Kompleks Pasarneka dan Tamu, Tutong.

Sejak tahun 2003 sehingga 2011 hasil jualan produk kraf tangan MPK Bukit ialah berjumlah BND11,195.50 dengan 10 peratus dimasukkan ke dalam Tabung Majlis Perundingan Kampung Bukit.

RASIONAL PROJEK :

Seni dan warisan tradisi ini mungkin akan pupus jika tidak ada usaha dilaksanakan untuk mengekalkannya. Justeru itu, MPK Bukit melalui projek ini telah mengambil langkah awal bagi mempertahankan warisan ini daripada terus hilang oleh arus perkembangan dunia masa kini.

Selain itu, melalui projek ini ianya juga dapat memberikan sumber pendapatan kepada penduduk kampung bagi meningkatkan lagi kualiti hidup mereka.

TUJUAN PROJEK :

Menyatupadukan penduduk-penduduk kampung dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti khususnya projek-projek bersifat perekonomian.

Menyediakan sumber pendapatan kepada penduduk kampung dan sekali gus dapat meningkatkan lagi kualiti hidup mereka misalnya melalui tempahan-tempahan produk kraf tangan bagi majlis-majlis perkahwinan sebagai buah tangan atau cenderahati istimewa.

Projek ini juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan, persefahaman dan kerjasama di antara ahli-ahli MPK dan penduduk kampung dalam melaksanakan projek-projek yang dikendalikan oleh MPK.

Projek ini juga diharapkan akan dapat menjadikan Kampung Bukit sebagai sebuah kampung yang dikenali ramai sinonim dengan keunikan dan keindahan produk kraf tangannya.

MATLAMAT PROJEK

Memperkenalkan produk kraf tangan kepada belia-belie sebagai pewaris kesinambungan seni pembuatan kraf tangan.

Memperkenalkan hasil kraf tangan penduduk kepada masyarakat.

Mempertahankan warisan tradisi daripada hilang dan pupus.

FAEDAH PROJEK

Pelaksanaan projek ini sudah setentunya nanti akan dapat menyediakan sumber pendapatan kepada penduduk kampung dan sekaligus dapat meningkatkan lagi kualiti hidup mereka.

Projek ini juga diharapkan akan dapat menjadikan Kampung Bukit sebagai kampung yang dikenali ramai sama ada di dalam daerah mahupun di luar daerah melalui hasil dan keunikan produk kraf tangan.

Projek ini juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan, persefahaman dan kerjasama di antara ahli-ahli MPK dan penduduk kampung dalam melaksanakan projek-projek yang dikendalikan oleh MPK.

Sebagai platform kepada MPK untuk mengamalkan kerja berpasukan (*teamwork*) dalam melaksanakan sebarang projek yang menandakan teguhnya pemuafakatan dan persefahaman ketua kampung dan ahli-ahli MPK dengan anak-anak buah kampung.

Meningkatkan lagi tabung MPK Bukit yang mana hasilnya sedikit sebanyak akan dapat digunakan untuk mengadakan pelbagai aktiviti di kampung berkenaan.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek ini dikendalikan oleh MPK Bukit melalui ahli-ahli kraf tangan Kampung Bukit seramai sepuluh orang.

Bahan-bahan yang digunakan ialah mengkuang, bamban, damaian / bakong, rotan dan buluh.

Dari segi pemasaran produk, MPK Bukit telah berusaha bagi membantu ahli-ahli kraf tangan melalui :

1. Penjualan setiap minggu di Kompleks Pasarneka dan Tamu, Tutong.
2. Penjualan dan tempahan bagi majlis-majlis keraian.
3. Ikut serta di acara-acara ekspo dan jualan sempena Hari-hari Kebesaran Negara misalnya sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Ikut serta dalam majlis-majlis jualan yang dianjurkan oleh MPK Bukit.

Beberapa bengkel kraf tangan juga telah diadakan khusus bagi memberikan tunjuk ajar cara-cara menghasilkan kraf tangan kepada belia-belie Kampung Bukit dan juga belia-belie di Daerah Tutong.

PERANCANGAN MASA DEPAN (PROJEK-PROJEK YANG DIKENDALIKAN OLEH MPK)

MPK Bukit telah pun membuat beberapa perancangan bagi mengembangmajukan hasil produk kraf tangan iaitu antaranya ialah :

Membina galeri produk kraf tangan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit,

Menyediakan katalog jenis-jenis produk kraf tangan yang dihasilkan,

Mengadakan bengkel-bengkel dan lawatan sambil belajar bagi meningkatkan lagi kreativiti ahli-ahli kraf tangan.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG PAD NUNOK

Mengembangmajukan Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan

KETUA KAMPUNG

KETUA Kampung Pad Nunok pada masa ini ialah Awang Haji Matasin@Haji Musa bin Haji Matussin. Beliau mula dilantik pada 1 Ogos 1995 hingga sekarang. Pernah berkhidmat sebagai Warder di Jabatan Penjara sebelum beliau berkhidmat sebagai Ketua Kampung Pad Nunok.

SEJARAH KAMPUNG DAN ASAL USUL KAMPUNG

Sejarah kampung ini berasal daripada serumpun kayu ara besar yang mana akar kayu ara tersebut melintang sehingga menyebarkan sebatang sungai kecil dan dijadikan titian dan laluan untuk menyeberangi sungai dan sering digunakan oleh dua buah puak yang terdapat di kampung ini iaitu puak Tutong dan puak Dusun yang hidup harmoni dan bergaul rapat diantara mereka.

Disebabkan itu maka wujud sebutan perkataan mengenai hal titian dan kayu ara yang mana bagi puak Dusun menyebut titian dan kayu ara ialah Apad dan Lunuk. Dan bagi puak Tutong menyebut titian dan kayu ara ialah Tatai dan Lunuk.

Disebabkan perbezaan sebutan kedua-dua puak masyarakat tersebut telah menjadi pertelingkahan mengenai Apad dan Lunuk. Dalam pertelingkahan tersebut timbulah dalam fikiran mereka kedua-dua masyarakat itu. Namun pertelingkahan tersebut tidak berpanjangan dan kedua-dua puak tersebut telah sepakat untuk memilih perkataan Apad dan Lunuk.

Sesudah penduduk di kampung ini mendapat pendidikan maka Kampung Apad Lunuk ini diubah sebutannya kepada Kampung Pad Nunok sehinggalah sekarang.

LATAR KAMPUNG

Kampung Pad Nunok mempunyai keluasan kampung lapan kilometer persegi (1,110.50 hektar). Terletak 30 kilometer dari Pekan Tutong. Kampung ini merupakan salah sebuah dari lima buah kampung yang terdapat dalam Mukim Kiudang. Kampung ini tidak terkecuali menerima beberapa kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik, paip air bersih, talian telefon dan sebagainya.

KERAMAIAAN PENDUDUK KAMPUNG

Kampung Pad Nunok mempunyai seramai

568 orang penduduk yang mana majoriti penduduknya terdiri daripada puak Melayu Tutong, puak Melayu Dusun dan Masyarakat Cina. Di kampung ini juga terdapat 68 orang penerima pencen tua, 12 orang penerima elaun kebajikan, tujuh orang penerima bantuan bagi anak-anak yatim, tujuh orang penerima elaun orang kurang upaya, seorang penerima elaun buta dan seorang penerima elaun orang gila.

Penerangan projek (sama ada projek ekonomi, sosial, pendidikan, agama dan sebagainya)

Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pad Nunok memilih projek mengembangmajukan Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan.

Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan merupakan sebuah kawasan alam semulajadi yang kaya dengan flora dan fauna. Di samping itu keadaannya yang sunyi, dikelilingi oleh pokok kayu, bukit, dan juga keadaan suasananya yang mendung, maka sesuai untuk dijadikan tempat beriadah. Keindahan wasai ini juga jelas terbukti dimana air wasainya yang jernih ditambah lagi keadaan batu-batu yang terdapat diwasai berkenaan tersusun seperti papan. Disebabkan keadaan batu-batunya tersusun maka orang dahulu memanggil wasai tersebut sebagai Wasai Batu Mapan.

Pada tahun 1970, jalan masuk menuju ke tangki air yang terletak diatas bukit berdekatan Taman Rekreasi tersebut telah dibina oleh pihak kerajaan. Disebabkan kawasan tersebut sunyi maka telah dijadikan tempat pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Setelah perundingan dan kesepakatan di antara ahli-ahli MPK Pad Nunok dengan penduduk kampung mengenai pencemaran tersebut maka mereka mengambil keputusan untuk membersihkan wasai tersebut.

Mulai 31 Mei 2008, di atas pakatan ahli MPK dan penduduk kampung telah bergotong royong dan membersihkan sampah yang berselerak di wasai tersebut seperti barang-barang binaan, besi-besi buruk, rangka kereta dan serpihan kaca. Kerja-kerja pembersihan tersebut terbukti tidak sia-sia apabila kawasan tersebut akhirnya menjadi sebuah Taman Rekreasi dan menjadi tumpuan bagi pelancong dalam dan luar negara.

Bagi mengekalkan potensi taman rekreasi ter-



ANTARA kegiatan yang pernah dilaksanakan oleh penduduk Kampung Pad Nunok.

sebut beberapa kemudahan asas telah dibina seperti lapan buah rumah, dua buah pondok rehat, satu buah mini pentas, satu buah pondok kawalan, satu buah tandas awam, enam buah bangku dan enam tugu peringatan yang melambangkan tiga tiang berkonsepkan (tiga masyarakat penduduk kampung Pad Nunok, iaitu puak Tutong Melayu, puak Melayu Dusun dan Masyarakat Cina).

RASIONAL PROJEK

Taman Wasai Batu Mapan merupakan satu kejayaan MPK Pad Nunok dalam memajukan perekonomian kampung menerusi pelancongan. Kejayaan tersebut terbukti apabila MPK Pad Nunok berjaya menjadikan sebuah kawasan yang terbiar dan tercemar dengan timbunan sampah menjadi sebuah taman rekreasi.

TUJUAN PROJEK

Projek ini menjadi platform dalam menyatukan dan mengukuhkan lagi perpaduan, kerjasama, persefahaman dan toleransi di antara ahli-ahli MPK Pad Nunok dan penduduk kampung dalam melaksanakan dan mengembangmajukan lagi kawasan Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan.

Projek ini juga diharapkan akan dapat menaikkan lagi nama Kampung Pad Nunok sebagai sebuah destinasi pelancongan dan dikenali ramai sesuai dengan keunikan dan keindahan yang dimiliki oleh Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan.

MATLAMAT PROJEK

Adalah seperti yang dihasratkan Wasai Batu Mapan dihasratkan menjadi salah sebuah eko pelancongan bagi Daerah Tutong yang mana mampu menarik pelancong dalam dan luar negara.

Mengekalkan dan memelihara keindahan alam semulajadi yang mana kawasan taman rekreasi tersebut kaya dengan flora dan fauna.

FAEDAH PROJEK

Dengan adanya projek sedemikian ternyata menjadi platform/landasan kepada ahli MPK untuk mengamalkan kerja berpasukan (teamwork).

Selain itu, ianya menandakan permuafakatan dan persefahaman Ketua Kampung dengan ahli-ahli MPK Pad Nunok apatah lagi kampung ini majoriti penduduknya terdiri daripada puak Melayu, puak Dusun dan Masyarakat Cina (Tionghoa).

Kesedaran dan semangat permuafakatan yang tertanam dalam jiwa ahli-ahli MPK dalam sama-sama menjaga alam sekitar yang masih kaya dengan flora dan faunanya.

PENGENDALIAN PROJEK

Projek ini diketuai oleh Ketua Kampung Pad Nunok, dikendalikan bersama oleh MPK Pad Nunok dengan kerjasama Penduduk Kampung. Beberapa projek telah pun dilaksanakan oleh MPK Pad Nunok di kawasan wasai tersebut iaitu:

MULAI 31 Mei 2008, di atas pakatan ahli MPK dan penduduk kampung telah bergotong royong dan membersihkan sampah yang berselerak di wasai tersebut seperti barang-barang binaan, besi-besi buruk, rangka kereta dan serpihan kaca. Kerja-kerja pembersihan tersebut terbukti tidak sia-sia apabila kawasan tersebut akhirnya menjadi sebuah Taman Rekreasi dan menjadi tumpuan bagi pelancong dalam dan luar negara.

- * Membersihkan kawasan taman rekreasi.
- * Pembinaan pondok-pondok rehat.
- * Pembinaan pentas.
- * Pembinaan tandas.
- * Pembinaan bilik persalinan oleh Jabatan Daerah Tutong.

Menyimen laluan pejalan kaki menuju ke Wasai Batu Mapan oleh Jabatan Daerah Tutong dengan kerjasama MPK Pad Nunok.

Pembinaan tugu yang melambangkan perpaduan tiga buah puak dan masyarakat yang terdapat di Kampung Pad Nunok.

Pembinaan pos di pintu masuk menuju ke Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan.

RANCANGAN MASA DEPAN (PROJEK-PROJEK YANG DIKENDALIKAN OLEH MPK)

MPK Pad Nunok mempunyai perancangan tersendiri bagi memajukan kawasan tersebut bagi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan ialah seperti berikut:

Setiap pengunjung dikenakan bayaran bagi palstik sampah. Ini bertujuan bagi menjaga keindahan kawasan wasai tersebut dari pencemaran.

Pembinaan beberapa buah pondok bagi kemudahan pelawat di kawasan wasai yang mana jumlahnya semakin meningkat.

RENCANA bagi sepuluh lagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan dimuatkan pada Bahagian Kedua Edisi Khas Majlis Anugerah Kampung Cemerlang minggu hadapan



PENDUDUK kampung semasa bergotong-royong membersihkan kawasan Taman Rekreasi Wasai Batu Mapan.